

**Mahathir tidak mahu terlalu
bergantung pada orang2 politik**

'JANGGAN NIAGA ATAS ANGIN'

MM 15 DEC 1985
KUALA LUMPUR 14
Dis. — Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad tidak
mahu perniagaan di negara
ini dijalankan secara ber-
gantung sangat kepada
pengaruh orang - orang
berkuasa dalam politik atau
berniaga untuk mendapat
keuntungan secara "atas
angin".

Perdana Menteri kesal kerana ada orang
yang percaya boleh mendapat keuntungan

menerusi "perniagaan atas angin" dengan
tidak payah mengeluarkan satu senpun.

"Ini dijalankan dengan membuka satu
syarikat dengan modal dibayar \$2 iaitu
secara dua orang pengasas masing - ma-
sing membayar \$1, lepas itu hutang duit
bank dan niaga atas angin. Jika rugi, me-
reka hilang, jika untung mereka ambil.

"Ini tidak sihat. Mungkin kita untung
atau rugi, tetapi tidak dapat melarikan
diri. Untung atau rugi, kita kena juga
bayar duit pinjaman bank," katanya se-
masa merasmikan mesyuarat agung per-
wakilan tahunan ketujuh Koperasi Usaha
Bersatu Malaysia Berhad (KUB) di Pusat
Dagangan Dunia Putra di sini.

LIHAT MUKA 11

MM 15 DEC 1985

'Jangan niaga atas angin' — Mahathir

Amanat Perdana Menteri itu jelas membayangkan kehendak kerajaan agar peristiwa "penipuan korporat raksasa" dalam skandal pinjaman \$2.5 ribu juta BMF tidak berulang lagi.

Pengerusi jawatankuasa penyiasat skandal itu, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria, semasa mengumumkan laporan terakhir jawatankuasa minggu lalu ber-

kata penipuan itu dilakukan dengan menggunakan syarikat-syarikat kosong dengan modal \$2 dan penjualan saham berasaskan nilai harta palsu.

Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan dalam perniagaan tidak harus difikirkan sangat untuk berniaga atas angin tetapi yang perlu ialah mengeluarkan modal sendiri memandangkan dalam perniagaan tidak

ada pelaburan, tidak ada keuntungan.

"Jika mahu mendapat keuntungan, mesti ada pelaburan berbentuk wang, tenaga dan masa, serta kepintaran untuk membuat pelaburan mesti ada," ujarnya.

Beliau menegaskan, pelaburan yang terbaik sekali ialah pelaburan secara halal dengan membeli saham dan menjadi ahli sesebuah

syarikat dengan membeli saham.

Bagaimanapun, beliau meminta semua syarikat di negara ini jangan cuma menumpu kepada membeli atau menjual saham atau membeli harta dan menjual harta dalam keadaan ekonomi merosot sekarang.

Katanya, kedudukan ekonomi negara yang merosot sekarang agak sukar

bagi peniaga mendapat keuntungan seperti dulu di mana keuntungan yang diperolehi oleh syarikat nampak begitu banyak.

Oleh demikian ramai suka membeli syarikat - syarikat yang sahamnya dijual dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur (quoted companies) oleh kerana mereka berpendapat mereka akan mendapat keuntungan yang banyak.

"Ramai yang menganggap mereka yang memiliki saham syarikat - syarikat itu akan menjadi kaya tetapi ramai pula yang rugi oleh kerana pasaran saham sekarang sudah merosot.

Datuk Sri Dr. Mahathir mahu syarikat - syarikat sebaliknya balik kepada kerja mengeluarkan barangan atau membeli barangan dan menjualnya dengan harga yang tinggi — prinsip asas perniagaan

sebenarnya.

Tegasnya, semua peniaga harus membezakan perniagaan saham dengan perniagaan biasa syarikat itu sebenarnya tidak menguntungkan melalui penjualan saham semata-mata.

"Memiliki saham atau harta bukan kekayaan tetapi kekayaan ialah kebebasan membeli dengan harga murah dengan menjual dengan harga mahal serta mengurangkan kos pentadbiran ke paras yang 'cukup rendah,'" pesan Perdana Menteri.

Beliau mengingatkan dalam pengurusan perniagaan, segala urusan mesti mengikut tata-tertib berdasarkan prinsip-prinsip perniagaan sebenarnya iaitu menimbang dengan cermat setiap langkah supaya modal syarikat tidak habis dan keuntungan yang besar diperolehi.